

10 pasukan finalis Cabaran Perusahaan Sosial DiGi

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

SEBANYAK 10 pasukan daripada tujuh universiti terpilih sebagai finalis Cabaran Perusahaan Sosial (SVC) anjuran DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) dalam usaha menggalakkan penghasilan teknologi hijau dan amalan lestari.

Ketua Pegawai Eksekutif DiGi, Henrik Clausen, berkata institusi pengajian tinggi (IPT) terbabit ialah dua pasukan masing-masing dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaya, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti UCSI.

Katanya, finalis menerima dana RM1,000 untuk melaksanakan projek

cadangan mereka di Pusat Jalur Lebar Komuniti (CBC) DiGi sebelum pemenang utama yang bakal menerima hadiah wang tunai RM10,000 diumumkan Februari depan.

"SVC ialah satu daripada pertandingan dianjurkan di bawah program *Deep Green Challenge for Change DiGi* untuk menggalakkan masyarakat menyumbang kepada pelaksanaan amalan dan teknologi baru berkonsep hijau dan lestari bagi menyelamatkan alam sekitar.

"27 penyertaan diterima daripada IPT seluruh negara dan 10 daripadanya terpilih sebagai finalis bagi melaksanakan projek cadangan di CBC DiGi untuk menguji keberkesannya.

"Pelbagai projek berkonsep hijau dalam bidang penjanaan tenaga, alam sekitar, pertanian dan

pendidikan dipilih untuk peringkat akhir termasuk sumber tenaga elektrik daripada sel bateri berasaskan tanah, sel bateri daripada bahan buangan serta sumber tenaga berkonsep hijau untuk menara telekomunikasi," katanya pada Majlis Pengumuman Pemenang dan Finalis *Deep Green Challenge for Change DiGi* di Shah Alam, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Korporat DiGi, Zaiton Idrus.

Pada majlis sama, pemenang Cabaran Global Clean Tech Ideas, Timbalan Presiden Persatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia, Dr Chew Heng Hai yang mencipta alat perubatan IV Flush, menerima hadiah wang tunai RM10,000 serta tajaan mewakili negara ke



SAIFUDDIN lima dari kiri (berdiri di belakang) dan Henrik lima dari kanan (berdiri di belakang) bergambar bersama pemenang dan finalis 'Deep Green Challenge for Change DiGi' di Shah Alam, baru-baru ini.

pertandingan *Global Clean Tech Open* di Amerika Syarikat, 17 November ini.

Pasukan Genre dari

UNIMAS menerusi ciptaan turbin angin Ikea dan pasukan *Solar Green Art* dari UKM yang mencipta Kit

Kecemasan masing-masing di tempat kedua dan ketiga serta menerima wang tunai RM5,000.